NG SEE KIT lwn. PENGERUSI LEMBAGA PENCEGAHAN JENAYAH & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO: 25-16-11-2015]
3 MEI 2016

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan kehakiman – Permohonan – Semakan terhadap keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah – Pemohon diperintahkan menjalani perintah pengawasan polis – Pegawai inkuiri tidak menyatakan tarikh dan masa makluman kepada Pendaftar Jenayah – Nama pemohon didaftarkan oleh Pendaftar Jenayah sehari sebelum Lembaga Pencegahan Jenayah bersidang – Kekaburan dalam pemilihan daerah untuk menjalani perintah pengawasan polis – Sama ada prosedur dipatuhi – Akta Pencegahan Jenayah 1959, ss. 3(1), 4(1), 12 & 15*

Pemohon ditangkap oleh pihak polis dan ditahan reman selama 21 hari di bawah s. 4(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('Akta'). Tahanan reman tersebut dilanjutkan menjadi 38 hari dan inkuiri bermula. Setelah menerima salinan dapatan inkuiri, pemohon memaklumkan bahawa dia tidak akan memohon kajian semula terhadap dapatan pegawai inkuiri. Sehari sebelum Lembaga Pencegahan Jenayah ('LPJ') bersidang, Pendaftar Jenayah telah pun mendaftarkan nama pemohon dalam Buku Daftar Jenayah. Pada hari persidangan LPJ, dapatan pegawai inkuiri disahkan dan LPJ menyatakan pemohon termasuk dalam kategori orang yang boleh didaftarkan dalam perenggan 2, Bahagian 1, Jadual Pertama Akta. Pemohon seterusnya dihantar ke Mukim Pulau Redang, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu berikutan satu perintah pengawasan polis ('perintah') yang dikeluarkan oleh LPJ di bawah s. 15(1) Akta. Oleh itu, pemohon memfailkan permohonan semakan kehakiman ini terhadap keputusan LPJ yang memerintahkan pemohon menjalani perintah tersebut atas alasan (i) responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 12(1) Akta kerana (a) pegawai inkuiri tidak menyatakan tarikh dan masa makluman kepada Pendaftar Jenayah; dan (b) nama pemohon didaftarkan sehari sebelum LPJ bersidang; dan (ii) perintah tersebut kabur kerana Pulau Redang berada di dalam Daerah Kuala Nerus dan bukan Daerah Kuala Terengganu.

Diputuskan (membenarkan permohonan):

(1) Keterangan menunjukkan pegawai inkuiri ada memaklumkan nama pemohon kepada Pendaftar Jenayah. Di bawah s. 12(1)(b) Akta, pegawai inkuiri tidak perlu memaklumkan kepada Pendaftar Jenayah secara bertulis. Namun begitu, responden-responden gagal mematuhi s. 12(1)(b) Akta apabila nama pemohon didaftarkan sehari sebelum LPJ bersidang. Walaupun pemohon tidak memohon kajian semula, namanya tidak boleh didaftarkan sehari sebelum LPJ bersidang. (perenggan 30, 32, 33 & 34)

(2) Pemilihan daerah yang betul adalah penting, seperti yang diperuntukkan di bawah s. 15(1) dan (2) Akta. Terdapat kekaburan dalam perintah tersebut khasnya sama ada pemohon diperintahkan di dalam Daerah Kuala Terengganu atau Daerah Kuala Nerus. Mukim Pulau Redang termasuk Daerah Kuala Nerus. Pematuhan ketat pada tempat yang dinyatakan dalam perintah tersebut apabila melibatkan kebebasan individu perlu diberi perhatian. Apabila wujud dua versi iaitu sama ada Daerah Kuala Nerus atau Daerah Kuala Terengganu, versi yang menyebelahi pemohon seharusnya dibenarkan. (perenggan 44, 46, 47 & 48)

Kes-kes yang dirujuk:

Chow Mi Choi v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah [2015] 6 AMR 460 ***(dirujuk)***

Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain [2015] 5 CLJ 223 HC ***(dirujuk)***

Kalam Wahid lwn. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Yang Lain [2016] 9 CLJ 725 HC ***(dirujuk)***

Lim Thean Lee v. Inspector General of Police & Ors [1991] 3 CLJ 2777; [1991] 1 CLJ (Rep) 273 SC ***(dirujuk)***

Oo Hua Lai lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Satu Lagi [1990] 2 CLJ 368; [1990] 1 CLJ (Rep) 438 HC ***(dirujuk)***

Ooi Cheng Aun v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors [1990] 1 LNS 59 HC ***(dirujuk)***

PP v. Koh Yoke Koon [1988] 2 CLJ 182; [1988] 1 CLJ (Rep) 269 SC ***(dirujuk)***

Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min [1976] 1 LNS 129 FC ***(dirujuk)***

Sathiyamurthi v. Penguasa/Komandan, Pusat Pemulihan Karangan, Kedah [2006] 4 CLJ 862 FC ***(dirujuk)***

SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 6 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***

Teoh Lean Fatt v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors [1991] 2 CLJ 1218; [1991] 4 CLJ (Rep) 130 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

National Land Code, s. 11

Prevention of Crime Act 1959, ss. 3(1), 4(1)(a), (2)(a), 5(2), 9, 11, 12(1)(a), (b), 15(1), (2)

Rules of Court 2012, O. 53 r. 3

Bagi pihak pemohon - V Shunmugam; T/n Shanmugam & Co
Bagi pihak responden - Muhammad Sinti; SFC

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

Pengenalan

[1] Pemohon telah memfailkan permohonan semakan kehakiman di bawah A. 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM) ke atas keputusan Pengerusi, Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) yang mengeluarkan "perintah pengawasan polis" (eks. "NSK1") di bawah s. 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta tersebut).

[2] Pada 17 Disember 2015, mahkamah ini telah memberikan kebenaran di bawah A. 53 k. 3 KKM selepas Jabatan Peguam Negara menzahirkan tiada bantahannya. Kemudiannya, pemohon telah memfailkan notis pendengaran dalam Borang 110 KKM (lampiran 4) pada hari yang sama selepas kebenaran diperolehi.

[3] Mahkamah ini telah mendengar merit permohonan semakan kehakiman ini. Pada 7 April 2016, mahkamah ini telah membenarkan lampiran 4 tanpa kos.

[4] Responden-responden yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia. Rayuan ini seterusnya telah didaftarkan sebagai Mahkamah Rayuan, Malaysia, Rayuan Sivil No: R-01(A)-191-05-2016.

Latar Belakang Kes

[5] ASP Ahmad Rizal bin Ab Aziz daripada Cawangan Siasatan Khas (D9), Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Kontinjen Pahang telah membuat tangkapan ke atas pemohon pada 24 Februari 2015. Pemohon ditangkap di bawah s. 3(1) Akta tersebut dan kemudiannya laporan tangkapan telah dibuat sebagaimana Raub Report: 000520/2015.

[6] Pemohon pada 22 Mei 2015 telah dibawa dan dikemukakan di hadapan Puan Noor Aisah binti Mohamed, Majistret, Mahkamah Majistret, Kuantan, Pahang untuk mendapatkan tahanan reman selama dua puluh satu (21) hari di bawah s. 4(1)(a) Akta tersebut (eks. "HH2").

[7] Pemohon selanjutnya pada 11 Jun 2015 telah dibawa di hadapan Tuan Noor Zaihan binti Mohamad Ali, Majistret, Mahkamah Majistret yang sama untuk mendapatkan tahanan reman selama tiga puluh lapan (38) hari di bawah s. 4(2)(a) Akta tersebut (eks. "HH4").

[8] Selanjutnya pada 19 Mac 2015, inkuiri ke atas pemohon telah dimulakan oleh pegawai inkuiri (Husmarudin bin Husin) selaras dengan peruntukan di bawah s. 9 Akta tersebut.

[9] Pada 9 April 2015, pemohon telah diserahkan salinan dapatan pegawai inkuiri serta borang I oleh Insp Mohd Anuar bin Kamaruddin. Pada tarikh yang sama, pemohon telah memaklumkan kepada Insp Mohd Anuar bin Kamaruddin niatnya untuk tidak memohon kajian semula atas dapatan pegawai inkuiri yang diperuntukkan di bawah s. 11 Akta tersebut.

[10] Susulan daripada itu, Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) telah bersidang pada 6 Mei 2015. LPJ mengesahkan dapatan pegawai inkuiri. LPJ menyatakan pemohon merupakan orang yang termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan dalam perenggan 2, Bahagian 1, Jadual Pertama, Akta tersebut.

[11] Sebelum itu, pada 5 Mei 2015, Pendaftar Jenayah telah mendaftarkan nama pemohon ke dalam Buku Daftar Jenayah mengikut peruntukan di bawah s. 12(1) Akta tersebut.

[12] Pemohon telah dihantar ke Mukim Pulau Redang, Daerah Kuala Terengganu, Negeri Terengganu berikutan perintah pengawasan yang dikeluarkan oleh LPJ bertarikh 6 Mei 2015 (perintah tersebut).

[13] Pemohon kemudiannya memfailkan semakan kehakiman terhadap keputusan LPJ yang memerintahkan pemohon menjalani perintah pengawasan di bawah s. 15 Akta tersebut.

Merit Permohonan Oleh Pemohon

[14] Mahkamah ini telah meneliti penghujahan peguam pemohon yang terpelajar. Mahkamah ini berpendapat terdapat dua (2) isu utama yang mempunyai merit untuk dipertimbangkan bagi mencabar keesahan perintah tersebut iaitu:

(a) Responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 12(1) Akta tersebut; dan

(b) Perintah tersebut kabur apabila memerintahkan pemohon berada di Mukim Pulau Redang yang berada dalam Daerah Kuala Nerus.

[15] Sebelum mahkamah ini menyentuh alasan-alasan yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar, eloklah mahkamah ini merujuk nas duluan yang memberikan panduan kepada mahkamah ini dalam menggarap kes yang melibatkan kebebasan individu.

[16] Mahkamah ini merujuk kes *Sathiyamurthi v. Penguasa/Komandan, Pusat Pemulihan Karangan, Kedah* [2006] 4 CLJ 862 di mana YA Augustine Paul HMP menyatakan:

> Thus in a writ of *habeas corpus* the question for the court to determine is whether the person is lawfully detained. If he is, the writ cannot be issued and if he is not, it must be issued (see *R v. Home Secretary, Ex parte Greene* [1941] 3 All ER 104). The lawfulness of a detention would depend upon whether the breach complained of is mandatory or directory. A mandatory requirement is one that is of direct relevance to the detention. A breach

of it will entitle a person to a writ of *habeas corpus* without the need to establish prejudice. A breach of a requirement which is directory will not be significant provided that there is substantial compliance and there is no prejudice.

[17] Mahkamah ini perlu melihat kepada peruntukan atau prosedur yang telah pun ditetapkan di bawah Akta tersebut sama ada terdapat perlanggaran oleh responden-responden sebelum mengeluarkan perintah tersebut di bawah s. 15 Akta tersebut. Mahkamah ini turut merujuk kes *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 1 LNS 129 di mana Mahkamah Persekutuan membuat pengamatannya:

Preventive detention is, therefore, a serious invasion of personal liberty. Whatever safeguard that is provided by law against the improper exercise of such power must be zealously watched and enforced by the court. In a matter so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving a person of his liberty. The material provisions of the law authorizing detention without trial must strictly construed and safeguards which the law provides for the protection of any citizen must be liberally interpreted. Where the detention cannot be held to be in accordance with procedure established by law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. *Where personal liberty is concerned an applicant in applying for a writ of habeas corpus is entitled to avail himself of any technical defect which may invalidate the order which deprived the deponent of his liberty.*

[18] Responden-responden mempunyai beban tugas untuk memuaskan mahkamah ini iaitu semua prosedur atau tatacara yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut ianya dipatuhi mengikut undang-undang. Mahkamah ini bersetuju dan berkongsi pandangan dengan YA Gopal Sri Ram HMP dalam kes *SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 705 menyatakan:

[5] In my considered judgment the point at stake falls to be resolved with reference to the principles governing the burden of proof in an application for habeas corpus. It is settled law that on an application for *habeas corpus* the burden of satisfying the court that the detention is lawful lies throughout on the detaining authority. See, *Chng Suan Tze v. The Minister of Home Affairs & Ors And Other Appeals* [1988] 1 LNS 162. In *Mohinuddin v. District Magistrate, Beed* AIR [1987] SC 1977, the Supreme Court of India observed as follows in the context of art. 22 of the Indian Constitution from which is drawn our art. 151:

> It is enough for the detainee to say that he is under wrongful detention, and the burden lies on the detaining authority to satisfy the Court that the detention is not illegal or wrongful and that the petitioner is not entitled to the relief claimed. This Court on more occasions than one has dealt with the question and it is now well-settled that it is incumbent on the State to satisfy the Court that

A the detention of the petitioner/detainee was legal and in conformity not only with the mandatory provisions of the Act but also strictly in accord with the constitutional safeguards embodied in Art. 22(5).

[19] Berbekalkan prinsip-prinsip yang diputuskan dalam nas-nas duluan B yang dirujuk sebelum ini, mahkamah ini akan memperhalusi dan menimbangkan alasan-alasan pemohon bagi mencabar perintah tersebut.

Bagi Isu (a)

Penghujahan Oleh Peguam Pemohon Yang Terpelajar

C **[20]** Secara ringkasnya peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 12(1)(a) Akta tersebut. Pegawai inkuiri iaitu Husmaruddin bin Husin dalam afidavitnya di lampiran 6 tidak menyatakan tarikh dan masa beliau memaklumkan kepada Pendaftar Jenayah.

D **[21]** Afidavit oleh Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid (lampiran (5)) di perenggan 6 ada menyatakan beliau ada dimaklumkan oleh pegawai inkuiri iaitu pemohon termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan di bawah perenggan 5, Bahagian I, Jadual Pertama, Akta tersebut. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan sama ada menggunakan borang yang E diluluskan oleh Pejabat Peguam Negara bagi tujuan peruntukan s. 12(1)(a) Akta tersebut.

[22] Peguam pemohon yang terpelajar turut menghujahkan memandangkan pemohon tidak meminta kajian semula atas dapatan pegawai inkuiri, peruntukan s. 12(1)(a) dan (b) Akta tersebut terpakai dan khususnya F s. 12(1)(b) Akta tersebut.

[23] Mahkamah ini dirujuk kes *Chow Mi Choi v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah* [2015] 6 AMR 460 di mana YA Collin Lawrence Sequerah PK memutuskan pendaftaran nama pemohon hanya boleh dilakukan selepas LPJ mengesahkannya. Peguam pemohon yang terpelajar G menghujahkan peruntukan s. 12(1)(b) Akta tersebut terpakai. Pemohon telah pun didaftarkan pada 5 Mei 2015 dan LPJ mengesahkan pada 6 Mei 2015.

[24] Peguam pemohon yang terpelajar telah merujuk kes dalam Mahkamah Tinggi, Malaya, Kangar, Perlis, Permohonan Jenayah No: 44-12-11-2015 *Kalam Wahid lwn. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Yang Lain* [2016] 9 CLJ H 725 yang memutuskan isu yang sama menyebelahi pemohon.

Penghujahan Oleh Peguam Kanan Persekutuan (PKP) Yang Terpelajar

[25] PKP yang terpelajar menghujahkan prasyarat peruntukan s. 12(1) Akta tersebut telah pun dipatuhi. PKP yang terpelajar menghujahkan peruntukan I s. 12(1) Akta tersebut telah pun dipatuhi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 6 afidavit Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid dan perenggan 4 dan 5 afidavit jawapan oleh Supt Mohamad Azlin bin Sadari.

[26] Pegawai inkuiri telah memaklumkan kepada Pendaftar Jenayah pemohon didaftarkan di perenggan 5, Bahagian I, Jadual Pertama, Akta tersebut. PKP yang terpelajar selanjutnya menghujahkan LPJ sendiri telah menghubungi Pendaftar Jenayah bagi memasukkan nama pemohon dalam Daftar.

[27] PKP yang terpelajar tidak bersetuju dengan hujahan peguam pemohon berkaitan perkataan "memaklumkan" dalam afidavit jawapan oleh Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid kelihatannya seperti pemakluman lisan tidak terjumlah kepada ketidakpatuhan prosedur. Peruntukan s. 12(1) tidak memerlukan LPJ memaklumkan secara bertulis kepada Pendaftar Jenayah.

[28] PKP yang terpelajar juga menghujahkan borang yang digunakan sebelum pindaan tidak terpakai dalam kes pemohon.

Pendapat Mahkamah Ini

[29] Mahkamah ini sedar peguam pemohon yang terpelajar membantah perintah tersebut atas alasan responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 12(1) Akta tersebut. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 12(1) Akta tersebut yang berbunyi seperti berikut:

> (1) The Registrar shall keep a Register for the purposes of this Act, in which shall be entered the name of every person:
>
> (a) who is reported by an Inquiry Officer to be a person in respect of whom there are reasonable grounds for believing that he is a member of any of the registrable categories; and
>
> (b) who has not requested any review under section 11, or in respect of whom the Board has confirmed the finding made under subsection 10(2) or made or confirmed the decision under paragraph 10(3)(b),
>
> together with such other particulars as may be prescribed.

[30] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar bagi maksud peruntukan s. 12(1) Akta tersebut khasnya peruntukan s. 12(1)(b) Akta tersebut, pegawai inkuiri perlu memaklumkan secara bertulis kepada Pendaftar Jenayah. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar bergantung kepada afidavit jawapan oleh Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid di perenggan 6 secara jelas menyatakan pegawai inkuiri memaklumkan nama pemohon kepada Pendaftar Jenayah. Mahkamah ini juga bersetuju borang yang cuba dicadangkan oleh peguam pemohon ia tidak terpakai dan telah pun dimansuhkan pemakaiannya.

[31] Begitu juga di perenggan 4 dan 5 afidavit jawapan oleh Supt Mohammad Azlin bin Sadari telah mengesahkan pegawai inkuiri telah memaklumkan nama pemohon untuk didaftarkan dalam Daftar pada 5 Mei 2015 dan memaklumkan kepada LPJ nama pemohon telah didaftarkan.

[32] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan YA Collin Lawrence Sequerah PK dalam kes *Chow Mi Choi (supra)* dalam menggarap isu yang sama iaitu sama ada peruntukan s. 12(1)(a) dan (b) Akta tersebut. Mahkamah ini ingin memetik penghakimannya yang menyatakan seperti berikut:

> [56] I find that the words "memaklumkan" or "informed" does not convey in substance a different meaning or connotation to the word "melaporkan" or "report"

[33] Mahkamah ini berpendapat bagi maksud peruntukan s. 12(1) Akta itu, pegawai inkuiri telah pun memaklumkan nama pemohon kepada Pendaftar Jenayah untuk didaftarkan. Mahkamah ini berpendapat responden-responden telah mematuhi peruntukan s. 12(1) Akta tersebut.

[34] Mahkamah ini bersetuju dengan peguam pemohon yang terpelajar yang menghujahkan responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 12(1)(b) Akta tersebut apabila nama pemohon didaftarkan pada 5 Mei 2015 sebelum LPJ bersidang pada 6 Mei 2015. Mahkamah ini telah pun memutuskan isu ini dalam kes Mahkamah Tinggi, Malaya, Kangar, Perlis, Permohonan Jenayah No: 44-12-11-2015 *Kalam bin Wahid v. Lembaga Pencegahan Jenayah dan Lain-Lain* (kes ini sedang dirayu ke Mahkamah Persekutuan, Malaysia). Mahkamah ini telah pun memutuskan walaupun pemohon tidak meminta kajian semula, nama pemohon tidak boleh didaftarkan pada 5 Mei 2015 sebelum LPJ bersidang pada 6 Mei 2015. Mahkamah ini mengambil pendekatan yang sama dan bersetuju dengan penghakiman kes *Chow Mi Choi (supra)* di ms. 471 ada menyatakan:

> [47] … I agree with the submission advanced by learned counsel for the applicant that registration is a condition precedent before an order can be issued by the board under s. 15. The respondents had therefore breached the provisions of s. 15 when it had issued an order for supervision after registration but before the board had confirmed the findings under s. 12 (1)(b). Accordingly, as the applicant was registered before the board confirmed the findings of inquiry officer, there has also been a breach of s. 12 of the Act.

[35] Mahkamah ini juga pernah merungkai isu yang sama ini dalam kes *Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain* [2015] 5 CLJ 223 di mana pendaftaran nama pemohon dalam Daftar sebelum LPJ bersidang. Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah sekarang, nama pemohon didaftarkan pada 5 Mei 2015 tetapi LPJ bersidang pada 6 Mei 2015.

Bagi Isu (b)

Penghujahan Oleh Peguam Pemohon Yang Terpelajar

[36] Peguam pemohon yang terpelajar telah menghujahkan perintah tersebut kabur apabila memerintahkan pemohon berada di Mukim Pulau Redang yang berada dalam Daerah Kuala Nerus dan bukannya Daerah Kuala Terengganu.

[37] Peguam pemohon yang terpelajar telah merujuk perintah tersebut (eks. "NSK1") yang memerintahkan pemohon tinggal dalam kawasan Mukim Pulau Redang, Daerah Kuala Terengganu, Negeri Terengganu.

[38] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan ketika LPJ membuat perintah tersebut di bawah s. 15(1) Akta tersebut, minda LPJ tidak terarah kepada pemohon diperintahkan berada dalam Mukim Pulau Redang, Daerah Kuala Terengganu. LPJ tidak menyedari mengikut pelan yang diwartakan PW 876 (eks. "NSK2'), Mukim Pulau Redang berada dalam Daerah Kuala Nerus dan bukannya Daerah Kuala Terengganu.

[39] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan LPJ memilih daerah yang betul penting bagi maksud pemohon mematuhi terma-terma yang diperuntukkan di bawah s. 5(2) Akta tersebut. Mahkamah ini telah dirujukkan perintah tersebut khasnya syarat (c) dan (d). Pemohon diarahkan memberitahu tempat tinggal kepada Ketua Polis Daerah dan berada dalam rumah di antara jam 8 malam hingga 6 pagi melainkan dengan kebenaran Ketua Polis Daerah. LPJ telah terkhilaf apabila menyatakan Mukim Pulau Redang berada dalam Daerah Kuala Terengganu dan ini menimbulkan keraguan dalam perintah tersebut.

[40] Peguam pemohon yang terpelajar merujuk nas-nas duluan yang memutuskan pematuhan kepada tempat yang dinyatakan dalam perintah tersebut. Sebarang pelanggaran tempat yang dinyatakan boleh menyebabkan tahanan atau perintah pengawasan tidak sah sebagaimana yang diputuskan dalam kes *PP v. Koh Yoke Koon* [1988] 2 CLJ 182; [1988] 1 CLJ (Rep) 269; [1988] 2 MLJ 301, *Teoh Lean Fatt v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1991] 2 CLJ 1218; [1991] 4 CLJ (Rep) 130, *Ooi Cheng Aun v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors* [1990] 1 LNS 59; [1990] 3 MLJ 108, *Lim Thean Lee v. Inspector General of Police & Ors* [1991] 3 CLJ 2777; [1991] 1 CLJ (Rep) 273 dan *Oo Hua Lai lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Satu Lagi* [1990] 2 CLJ 368; [1990] 1 CLJ (Rep) 438; [1990] 3 MLJ 175.

[41] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan walaupun responden pertama mengemukakan surat daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu (eks. "DAK3"), apabila wujud dua versi, versi memihak kepada pemohon perlu diberikan iaitu Mukim Pulau Redang termasuk dalam Daerah Kuala Nerus.

Penghujahan Oleh Peguam Kanan Persekutuan (PKP) Yang Terpelajar

[42] PKP yang terpelajar menghujahkan melalui afidavit oleh Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid telah melampirkan eks. "DAK3" yang menunjukkan Mukim Pulau Redang termasuk dalam Daerah Kuala Terengganu. Pewujudan Daerah Kuala Nerus yang dirujuk oleh peguam pemohon yang terpelajar masih belum diwartakan mengikut peruntukan s. 11 Kanun Tanah Negara.

[43] PKP yang terpelajar menghujahkan tiada kekaburan terhadap perintah tersebut sebagaimana yang cuba dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar.

Pendapat Mahkamah Ini

[44] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar berdasarkan eks. "NSK2" Mukim Pulau Redang termasuk Daerah Kuala Nerus. Sebaliknya mengikut eks. "DAK3", Mukim Pulau Redang masih berada dalam Daerah Kuala Terengganu kerana pewujudan Daerah Kuala Nerus belum diwartakan.

[45] Mahkamah ini bersetuju LPJ semasa memerintahkan pemohon menjalani pengawasan polis di bawah s. 15(1) Akta tersebut, minda LPJ tidak terarah kepada eks. "DAK3" di mana ianya hanya dikemukakan melalui afidavit jawapan responden pertama pada 25 Mac 2016. Sebaliknya perintah tersebut dikeluarkan oleh LPJ pada 6 Mei 2015.

[46] Mahkamah ini berpendapat apabila wujud dua versi berkaitan Daerah Kuala Nerus atau Daerah Kuala Terengganu, kes yang melibatkan kebebasan individu, versi yang menyebelahi pemohon seharusnya diberikan. Mahkamah ini bersetuju perintah tersebut terdapat kekaburan khasnya sama ada pemohon diperintahkan dalam Daerah Kuala Terengganu atau Daerah Kuala Nerus.

[47] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar iaitu pemilihan daerah yang betul penting sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 15(1) dan (2) Akta tersebut. Mahkamah ini melihat terma-terma perintah tersebut khasnya di perenggan (a), (c) dan (d) melibatkan peranan Ketua Polis Daerah yang berkenaan. Pemohon seharusnya tidak dikelirukan untuk mematuhi terma-terma yang dinyatakan di atas.

[48] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu nas-nas duluan yang dirujuk oleh peguam pemohon yang terpelajar melibatkan perundangan yang berbeza. Walaupun begitu, prinsip-prinsip yang diputuskan menggambarkan pematuhan yang ketat kepada tempat yang dinyatakan dalam perintah apabila melibatkan kebebasan individu perlu diberi perhatian. Mahkamah ini memberi faedah keraguan ini kepada pemohon.

Kesimpulan

[49] Mahkamah ini telah membenarkan permohonan pemohon di lampiran 4 tanpa kos. Mahkamah bergantung kepada isu (a) dan (b) semata-mata di mana responden-responden gagal mematuhi peruntukan yang sedia ada.